

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1.1. MUKADIMAH

Sistem pemerintahan (kesultanan) merupakan agenda utama di dalam pembentukan sesebuah masyarakat bernegera. Ia sebagai landasan untuk menilai keterampilan kepemimpinan serta kebijaksanaan seseorang pemerintah mengendalikan rakyat dan juga pentadbirannya. Pemerintahan yang baik, tersusun serta berperancangan akan memberikan impak yang baik kepada rakyat dari sudut kebijakan, kebebasan dan juga keadilan.

Sebaliknya pemerintahan yang diamalkan tanpa perancangan yang teliti sudah tentu akan memporak-porandakan kehidupan rakyat serta meletakkan negara dalam keadaan kucar-kacir. Ketidakstabilan politik pemerintahan boleh mencetuskan persengketaan di kalangan rakyat. Golongan yang tidak berpuas hati akan berusaha untuk meruntuhkan pemerintahan tersebut dan menggantikannya dengan pemerintahan alternatif baru yang dapat memenuhi kehendak serta aspirasi hidup mereka.

1.2. LATAR BELAKANG KAJIAN

Organisasi pentadbiran sesebuah negara pada zaman dahulu kebiasaannya ditulis dalam bentuk manuskrip. Ia berguna untuk tujuan rujukan semasa dan panduan generasi yang selepasnya. Masyarakat mutakhir hanya akan dapat mengetahui isi kandungan sesebuah pemerintahan apabila terdapat para pengkaji yang cuba berusaha untuk menginterpretasi semula bahan-bahan manuskrip. Hasilnya masyarakat akan dapat mengetahui corak dan kedudukan pemerintahan pada sesuatu zaman menerusi fakta-fakta yang terkandung di dalam manuskrip yang telah dikaji.

Para pengkaji juga akan dapat mengetahui pola dan sejarah perkembangan negara dan corak hidup masyarakat terdahulu sama ada ia maju atau mundur melalui paparan cerita (kisah atau hikayat) yang turut dimuatkan di dalam sesebuah manuskrip. Sebagai contoh manuskrip **Sejarah Melayu** oleh **Tun Sri Lanang**, **Kitab Sejarah (Shi Ji)** oleh **Si Ma Qian** pada tahun 93 S.M., **Kitab Sejarah Yunani** oleh **Herodotus** pada tahun 480-425 S.M.¹ dan banyak lagi ada menceritakan sejarah peradaban serta perkembangan tamadun kemanusiaan pada zaman mereka. Kesemua perkara ini hanya akan dapat diketahui melalui naskah-naskah lama (*manuskrip*) yang memerlukan pengkajian yang teliti dan pemikiran yang kritis bagi mengolah semula kandungan, menganalisis data yang diperolehi dari sumber lain serta membuat perbandingan bagi mengetahui kebenaran plot cerita yang dibawa.

Tidak ramai pengkaji yang berminat untuk mengkaji bahan-bahan klasik khususnya bahan yang berbentuk manuskrip lama. Berkemungkinan mereka menganggap ia hanyalah sebagai sebuah catatan yang banyak dibayangi unsur-unsur mitos dan lagenda yang sukar untuk dibuktikan kesahihannya. Tambahan pula cerita yang dipaparkan kadangkala mengandungi banyak unsur khayalan serta melampaui daya imaginasi pemikiran manusia. Penulis beranggapan, jika tiada pengkaji yang sanggup berusaha meneliti isi kandungan manuskrip-manuskrip lama, ia sudah tentu akan dianggap sebagai bahan khazanah sejarah yang sesuai untuk dimuatkan di balai-balai pameran serta di muzium-muzium oleh generasi akan datang sedangkan bahan-bahan tersebut kaya dengan

¹Liang Liji, **Hubungan Empayar Melaka-Dinasti Ming Abad ke-15**, Bangi; Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996, hal. 9.

panduan serta iktibar yang boleh dijadikan pedoman oleh masyarakat sesudahnya.

Penulis juga berpendapat, penyelidikan ke atas manuskrip-manuskrip lama (*klasik*) tidak boleh dianggap ringan kerana setiap sejarah dan peradaban manusia seumpama pusingan roda. Ia mungkin akan berulang tetapi dalam bentuk yang lebih ideal sesuai dengan keadaan masyarakat pada zaman itu. Oleh yang demikian, menginterpretasi semula bahan-bahan lama yang banyak mengandungi panduan dan nasihat adalah merupakan satu persediaan bagi masyarakat sekarang untuk menghadapi situasi yang sama yang telah berlaku suatu waktu dahulu dan juga memungkinkan kita bersiap sedia dengan alternatif tertentu bagi menghadapi keadaan tersebut.

1.3. MANUSKRIP DAN KEPENTINGANNYA

Manuskrip (naskhah lama) merupakan hasil karya masyarakat terdahulu yang kaya dengan pelbagai sumber ilmu. Ia merupakan sumber rujukan utama bagi mengetahui peradaban dan pensejarahan sesuatu masyarakat sama ada sistem pemerintahan, ekonomi, pentadbiran, sosio budaya dan sebagainya. Selain itu, manuskrip juga amat berguna dalam bidang pendidikan. Melalui manuskrip, pengkaji akan dapat mengetahui tahap pendidikan sesuatu bangsa (maju atau mundur) menerusi gaya dan isi kandungan yang diketengahkan oleh pengarangnya. Seterusnya, manuskrip juga merupakan sumber yang paling berautoriti dalam menilai sesebuah karya ilmiah. Ia adalah sumber primer yang belum berubah maksud dan pemikiran pengarangnya. Oleh kerana kepentingannya yang menyeluruh, ia seharusnya mendapat perhatian pihak yang bertanggungjawab untuk terus mengkaji dan menyelidikinya.

1.3.1 DEFINISI MANUSKRIPT

Kamus Dewan mentakrifkan manuskrip sebagai naskhah tulisan tangan atau bahan yang telah disediakan oleh penulis untuk dicetak dan diterbitkan dalam bentuk buku dan sebagainya.² Manuskrip berasal dari perkataan Latin – *manuscriptus* – yang terbentuk dari dua suku kata iaitu ‘*manus*’ bermaksud tangan dan ‘*scribere*’ bermaksud menulis.³ Ia juga boleh didefinisikan sebagai;

“A book, document or other composition written by hand”
 atau *A composition written with the hand as an ancient book, document etc... or an unprinted modern book⁵ or before the invention of printing”⁶*.

Wan Ali Hj. Wan Mamat mendefinisikan manuskrip sebagai sesuatu suratan yang ditulis dengan tangan pada apa juga bentuk permukaan. Konsep ini telah dihadkan pada bentuk penulisan tangan sahaja walaupun bahan tulisan masih belum ditentukan. Bahasa Belanda mempunyai perkataan yang tersendiri di dalam menamakan manuskrip iaitu *handschrift*. Begitu juga dengan masyarakat Melayu dan masyarakat Indonesia. Mereka menggunakan perkataan

²Teuku Iskandar, **Kamus Dewan**, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hal. 801.

³J.A.Simpson dan E.S.C.Weiner, **The Oxford English Dictionary**, 1989, edisi ke-2, vol IX, hal. 344. Lihat juga Victoria Neufeldt dan David D. Guralnik (ed.), **Webster’s New World Dictionary**, New York; Prentice Hall, 1994, hal. 824-825.

⁴William Morris, **The American Heritage Dictionary of English Language**, Huoghton Mifflin Company Boston Massachussets, 1981, hal. 796.

⁵William Allan Neilson, **Webster’s International Dictionary of The English Language**, London; Bell and Sons Limited, 1957, edisi ke-2, vol II, hal. 1499.

⁶Victoria Neufeldt dan David D. Guralnik (ed.), op. cit., hal. 825.

naskhah dengan meluas sebelum munculnya perkataan manuskrip.⁷

Kesemuanya membawa maksud yang sama iaitu manuskrip.

Dewasa ini penggunaan perkataan manuskrip menjadi lebih meluas bukan sekadar tulisan tangan sahaja tetapi juga merangkumi tulisan bertaip termasuk salinan karbon dan sebagainya asalkan terdapat tulisan di atasnya tanpa mengira bahan yang digunakan.⁸ Walaupun pelbagai tafsiran telah dibuat khususnya di dalam mendefinisikan maksud manuskrip, namun masyarakat Malaysia khususnya sarjana filologi Melayu mempunyai penilaian yang tersendiri di dalam perkara ini. Mereka mendefinisikan manuskrip Melayu sebagai;

“... apa-apa tulisan sama ada Jawi atau Rumi yang berbahasa Melayu yang ditulis dengan tangan di atas bahan-bahan seperti kertas, daun lontar, kulit, kayu, buluh, gading, kain dan sebagainya dengan isi kandungan serta jangka waktu yang tidak terbatas...”⁹

Menurut Ibrahim Kassim, manuskrip Melayu ialah semua hasil naskhah Melayu lama yang berbentuk tulisan tangan sama ada dalam bentuk asli atau pun salinan yang masih terkumpul sejak zaman silam.¹⁰ Beliau menolak sesetengah pendapat yang mengatakan bahawa manuskrip hasil tulisan lama termasuk buku-buku dan juga batu cop¹¹ kerana ia merupakan hasil sastera

⁷ Wan Ali Hj Wan Mamat, **Pemuliharaan Buku dan Manuskrip**, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988, hal. 2-3.

⁸ Ibid., hal. 3.

⁹ Ibid. hal. 7.

¹⁰ Ibrahim Kassim, “Masalah Dokumentasi Manuskrip Melayu”, **kertas kerja seminar** anjuran Persatuan Perpustakaan Malaysia dan Gabungan Penulis Nasional (GAPENA), 1974, hal. 74.

¹¹ Batu cop ialah bentuk penulisan yang menggunakan cop batu (*lithograph*) yang giat dilakukan di Negeri-Negeri Selat pada penghujung abad ke 19M dan awal abad ke 20M.

Melayu selepas cetak (*post print*). Pentafsiran ini agak berbeza dengan definisi umum manuskrip iaitu;

"A hand written or typed document including a letter press or copy carbon. A mechanically produced from completed in hand writing or typed script is also considered a manuscript".¹²

Walaupun terdapat pelbagai definisi yang telah diberikan oleh ahli filologi terhadap pengertian manuskrip, ia sudah semestinya mengikut persepsi mereka yang tersendiri dengan bukti-bukti yang telah mereka perolehi hasil dari penyelidikan yang telah dibuat. Perbezaan ini adalah didasari oleh pengertian serta istilah Melayu itu sendiri yang telah memberi maksud terlalu kompleks. Namun begitu secara umumnya manuskrip adalah merupakan hasil penulisan masyarakat silam yang diolah mengikut kreativiti serta membawa maksud yang tersendiri. Apabila kita memberi tafsiran terhadap pengertian manuskrip itu, ia seharusnya berada di dalam ruang lingkup yang bersesuaian dengan pengertian yang telah diberikan oleh sarjana filologi.

1.3.2. PENULISAN MANUSKRIP DI ALAM MELAYU

Masyarakat Melayu pada zaman dahulu mempunyai cara yang tersendiri untuk menyampaikan idea dan pemikiran mereka. Ada yang disampaikan kepada umum dalam bentuk penceritaan seperti cerita-cerita penglipur lara dan ada juga yang dilhamkan dalam bentuk penulisan. Jika ditinjau dalam konteks penulisan

¹² William L Rofes (ed.), "A Basic Glossary for Archivist, Manuscript, Curator and Record Managers", compiled by Frank B. Evan, Donald F. Harrison and Edwind A. Thompson, *The American Archivist*, vol. 37, 1974, July 3rd, hal. 425.

kita akan mendapati kebanyakan hasil karya masyarakat terdahulu telah dirakamkan dalam pelbagai bentuk. Tulisan yang dipahat di permukaan batu dikenali sebagai batu bersurat seperti Batu Bersurat Trengganu 702H (1303M). Manakala tulisan yang panjang kebanyakannya telah ditulis di atas daun lontar, kepingan belulang, kulit kayu deluang, batang buluh¹³ dan sebagainya. Tulisan yang panjang ini meliputi hasil penulisan naratif, cerita penglipur lara, mitos asal usul, naskhah pengajian agama, naratif panji dan lain-lain lagi. Penggunaan sumber semulajadi dan teknologi primitif sebagai bahan penulisan adalah kerana kesukaran untuk mendapatkan bahan seperti kertas, alat tulis, dakwat dan sebagainya pada masa tersebut.¹⁴

Umumnya terdapat dua jenis tulisan manuskrip Melayu lama iaitu tulisan Jawi dan tulisan Rumi. Ia ditulis dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Jawa, Bugis, Batak dan sebagainya. Tulisan-tulisan ini ditulis dalam bentuk tulisan wenggi, rencong dan kawi.¹⁵ Menurut Raja Massitah Raja Ariffin, naskhah Melayu (manuskrip) paling awal ditulis ialah pada awal kurun ke-15M. Alasan beliau ialah kitab Sejarah Melayu telah pun menggunakan perkataan kitab, warkah dan juga surat pada waktu itu.¹⁶ Ada sesetengah pendapat pula

¹³ Tulisan di atas kepingan buluh adalah dalam bentuk tulisan rencang dan keras.

¹⁴ Wan Ali Hj Wan Mamat, op. cit., hal. 6.

¹⁵ Muhammad Yusoff Hashim, "Manuskrip Melayu; Warisan Keilmuan Yang Bernilai" dalam **Warisan Dunia Melayu**, Abdul Latif Abu Bakar (ed.), Kuala Lumpur; Biro Penerbitan Gabungan Penulis Nasional (GAPENA), 1985, hal. 70.

¹⁶ Raja Massitah Raja Ariffin, "Manuskrip Melayu Lama; Satu Penelitian Dari Aspek Pendokumentasian" dalam **Jurnal Filologi Melayu**, Kuala Lumpur; Perpustakaan Negara Malaysia, Pusat Manuskrip Melayu, 1993, jil. 2, hal. 116.

mengatakan naskhah manuskrip Melayu yang paling awal ditemui sekitar tahun 1870-an.¹⁷

Menurut Hamdan Hassan pula, kesan penggunaan tulisan Jawi telah wujud sejak abad ke-14M lagi. Namun beliau menyatakan bahawa tidak terdapat kegiatan penulisan manuskrip atau naskhah tulisan tangan yang menggunakan bahan kertas pada abad tersebut.¹⁸ Berlainan pula dengan pandangan yang telah dikemukakan oleh Wan Muhammad Shaghir yang menyatakan bahawa terdapat satu manuskrip yang berbentuk risalah berjudul *Bahr al-Lahūt* karangan Sheikh 'Abdullah 'Arif telah ditulis dalam lingkungan tahun 1165M. Ini telah membuktikan kepada kita bahawa hasil penulisan manuskrip ini telah bermula sejak kurun ke-12M lagi.¹⁹

Hasil dari pemerhatian yang dibuat, penulis mendapati terdapat perselisihan pendapat di kalangan para sarjana filologi tempatan khususnya di dalam menentukan tarikh sebenar permulaan bagi penulisan manuskrip Melayu. Namun penulis berkeyakinan dengan pendapat yang dikemukakan oleh Wan Muhammad Shaghir yang mengatakan bahawa manuskrip Melayu yang pertama

¹⁷ Ismail Hussein, *Filologi Melayu; Kemungkinan Sumbangan Dari Malaysia*, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981, hal. 139-140. Lihat juga Muhammad Yusoff Hashim, "Manuskrip Melayu; Warisan Keilmuan Yang Bernilai", op. cit., hal. 70

¹⁸ Hamdan Hassan, "Tradisi Penulisan Sastera Melayu Tradisional" dalam *Jurnal Filologi Melayu*, Kuala Lumpur; Pusat Manuskrip Melayu Perpustakaan, Negara Malaysia, 1997, jil 6, hal. 16.

¹⁹ Wan Muhammad Shaghir Abdullah, "Pengarang Manuskrip Kitab di Alam Melayu: satu tinjauan awal" dalam *Jurnal Filologi Melayu*, Kuala Lumpur; Pusat Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia, 1994, jil 3, hal. 81.

ditulis pada abad ke-12M dengan alasan bahawa pengarang manuskrip tersebut (Sheikh 'Abdullah 'Arif) telah sampai ke alam Melayu sekitar tahun 1112M lagi.²⁰

Kebanyakan hasil penulisan manuskrip ini dikatakan terdapat di institusi pendokumentasian seberang laut khususnya di Belanda, Perancis, Jerman, Belgium dan England.²¹ Pada tahun 1966, dianggarkan sebanyak lima ribu (5000) naskah manuskrip Melayu tradisional²² dalam lapan ratus (800) judul yang berbentuk tulisan kertas telah dikesan berada di seluruh dunia. Para sarjana yang mengkaji bidang ini telah mengklasifikasikan tajuk-tajuk tersebut seperti berikut:²³

1. 150 hasil cereka telah dimuatkan dalam 46 karya yang bercorak legenda Islam.
2. 47 hasil karya sejarah.
3. 41 penulisan berbentuk undang-undang.
4. 116 puisi tradisional.
5. 300 buah penulisan teologi Islam.
6. selebihnya adalah tulisan yang berbentuk rampaian.

²⁰ Hashim Musa, "Sejarah Awal Kemunculan dan Pemapanan Tulisan Jawi di Asia Tenggara" dalam **Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu**, Kuala Lumpur; Perpustakaan Negara Malaysia, 1997, hal. 1.

²¹ Ismail Hussein, **Filologi Melayu; Kemungkinan Sumbangan Dari Malaysia**, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981, hal. 139-140. Lihat juga Muhammad Yusoff Hashim, "Manuskrip Melayu; Warisan Keilmuan Yang Bernilai", op. cit., hal. 70.

²² Ismail Hussein, **The Study of Traditional Malay Literature With A Selected Bibliography**, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974, hal. 12.

²³ Muhammad Yusoff Hashim, "Manuskrip Melayu; Warisan Keilmuan Yang Bernilai", op. cit., hal. 75.

Pengaliran keluar manuskrip ini adalah disebabkan oleh kurangnya kesedaran di kalangan masyarakat Melayu tradisional tentang nilai naskah tersebut. Malah wujud di kalangan pembesar Melayu dan penduduk tempatan yang sengaja menghadiahkan manuskrip tersebut kepada para pegawai Eropah yang bersara sebagai cenderahati dan tanda ingatan.

Ia amat berlainan sekali berbanding dengan golongan Kolonial Eropah. Mereka menganggap manuskrip sebagai salah satu bahan yang tidak termilai harganya. Mereka mengkaji serta meneliti bahan tersebut dengan bersungguh-sungguh bagi mengetahui adat ketimuran dan tamadun alam Melayu yang meliputi sejarah, bangsa, kesusasteraan, adat istiadat dan lainnya yang berkaitan dengan masyarakat Melayu. Hasil penelitian ini akan memudahkan mereka menawan serta menjajah alam Melayu. Selain itu, ia juga akan memudahkan mereka menyebarkan agama Kristian di kalangan masyarakat Melayu.²⁴ Ini membuktikan hasil khazanah Melayu ini amat tinggi mutunya serta mempunyai penilaian yang tersendiri di sisi bangsa lain.

1.3.3. MANUSKRIP SEBAGAI SUMBER RUJUKAN

Manuskrip merupakan hasil karya sastera yang sangat unik. Penyelidikan terhadapnya sangat perlu kerana ia merupakan salah satu sumber rujukan asli yang sangat tinggi nilainya. Selain itu, ia merupakan dokumen sejarah dan kebudayaan bangsa. Melaluinya, kita dapat mengetahui dengan lebih jelas susunan masyarakat dan cara kehidupan mereka pada zaman tersebut.

Manuskrip juga merupakan sumber yang kaya dengan nilai estetikanya yang tersendiri. Kandungannya menceritakan peristiwa yang telah berlaku serta memperlihatkan hubungan kemanusiaan dan ketatanegaraan pada sesuatu masa. Ringkasnya manuskrip ialah “*primary resources*” yang sangat penting dalam penyelidikan sejarah, bahasa, agama, peradaban, kebudayaan, kemasyarakatan dan politik manusia zaman silam²⁵ yang mempunyai autoriti tersendiri bagi menjelaskan hujah serta menguatkan bukti kajian.

Oleh itu, penulis merasakan bahawa penyelidikan ke atas manuskrip-manuskrip Melayu lama sewajarnya mendapat perhatian semua pihak kerana ia merupakan sumber rujukan utama bagi mengetahui corak kehidupan orang-orang Melayu dan tempat tersimpannya warisan-warisan silam masyarakat Melayu yang boleh kita banggakan.

1.3.4. MASALAH MENGANALISIS MANUSKRIP

Tidak banyak penelitian dan penyelidikan yang dilakukan oleh para sarjana ke atas manuskrip Melayu. Ini kerana kesukaran yang terpaksa dihadapi semasa melakukan pengumpulan dan penelitian. Antara lain, kurangnya penguasaan terhadap teks seperti tidak menguasai bahasa Arab dan Sanskrit

²⁴Rahimah @ Zubaidah Mat Latif, **Manuskrip Tuḥfat al-Rāghibīn fī Bayān Ḥaqīqat al-Mu'minīn**, Universiti Malaya; Akademi Islam Fakulti Usuluddin, Latihan Ilmiah, sesi 1994/95, hal. 25.

²⁵Ibrahim Kassim, op. cit., hal. 3-4.

serta kurang memahami tulisan Jawi menjadi faktor utama untuk melayakkan seseorang pengkaji menghayati manuskrip lama.²⁶

Penyelidikan seperti ini juga memerlukan kos pembiayaan yang tinggi kerana kebanyakan pusat pengumpulan manuskrip berada di luar negara. Setakat ini penulis difahamkan bahawa tiada badan khusus ditubuhkan untuk membiayai kegiatan menyelidik manuskrip-manuskrip lama ini. Berkemungkinan sesetengah pihak berpendapat bahawa pengkajian terhadap manuskrip ini hanyalah sebagai satu usaha untuk mengupas semula sumber-sumber lama tanpa memberi pulangan sewajarnya khusus untuk pembangunan teknologi.

Akhirnya, pengkajian manuskrip semestinya memerlukan jangka waktu yang panjang untuk meneliti setiap teks. Jika terdapat banyak teks yang sama dari segi judul dan juga isinya maka pengkaji perlu berusaha untuk mendapatkan sebanyak mungkin teks-teks manuskrip tersebut.²⁷ Seterusnya, para pengkaji perlu membuat kajian perbandingan yang mendalam bagi memastikan naskhah asal teks tersebut. Oleh itu, penulis berpendapat bahawa dengan wujudnya permasalahan dari sudut penguasaan bahasa, kos pembiayaan dan juga penglibatan jangka waktu yang lama itu telah menyebabkan kebanyakkan manuskrip lama hanya dibiarkan begitu sahaja tanpa sebarang penyelidikan.

²⁶ Hashim Ismail, **Hikayat Ahmad Muhammad; Transliterasi dan Analisis Teks**, Kuala Lumpur; Universiti Malaya, Jabatan Pengajaran Melayu, Disertasi Sarjana, 1991, hal. 1.

1.4. SKOP KAJIAN

Secara umumnya, penulis akan membahagikan skop kajian kepada tiga bahagian utama. Pada bahagian *pertama*, penulis akan memberi tumpuan kepada kerja-kerja penganalisaan teks manuskrip *Naṣīḥat al-Mulūk*²⁸ yang menjadi sumber utama bagi penyelidikan. Pengolahan data-data secara terperinci perlu dibuat untuk menjelaskan konsep, struktur dan idea-idea kesultanan (pemerintahan) yang terkandung di dalam manuskrip *Naṣīḥat al-Mulūk* dengan lebih sistematik dan tersusun. Bahagian ini juga akan cuba untuk mengupas idea-idea pemerintahan berdasarkan sumber-sumber rujukan lain sebagai perbandingan.

Pada bahagian *kedua*, penulis akan mengkaji maklumat yang berkaitan dengan Kesultanan Melayu Melaka. Pengkajian akan dilihat dari skop struktur pemerintahan yang meliputi peranan raja atau sultan, golongan pembesar, rakyat jelata dan juga hamba. Penulis akan memberi tumpuan terhadap sistem pentadbiran yang meliputi peranan dan tanggungjawab ketua negara dan golongan pembesar di dalam menjaga kemaslahatan rakyat jelata (biasa). Perbincangan juga akan menyentuh perkara yang berkaitan dengan bidang legislatif untuk memperlihatkan unsur serta elemen Islam yang telah digubal di dalam perlumbagaannya. Pengkategorian dibuat bertujuan untuk lebih menampakkan perbincangan skop kajian kerana sumber-sumber rujukan

²⁷ Mat Saad Abdul Rahman, "Tahqīq Manuskrip Arab Melayu" dalam **Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu**, Kuala Lumpur; Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, hal. 273.

Kesultanan Melayu Melaka adalah terlalu banyak dan ia membincangkan pelbagai isu yang melibatkan banyak disiplin keilmuan.

Akhirnya, pada bahagian ketiga, penulis akan membuat perbandingan di antara teori pemerintahan yang telah dianalisis dari manuskrip *Nasīhat al-Mulūk* dengan realiti yang telah diaplikasikan di dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Analisis perbandingan ini akan memperlihatkan pengaruh unsur-unsur Islam yang meresap ke dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Ia bertujuan untuk membuktikan bahawa perjalanan sistem pemerintahan di dalam Kerajaan Melayu Melaka adalah berteraskan nilai-nilai murni ajaran Islam.

1.5. KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian perbandingan ini mempunyai kepentingannya yang tersendiri kerana ia secara tidak langsung akan menghuraikan persoalan-persoalan yang belum lagi diselidiki oleh pengkaji-pengkaji sejarah tempatan khususnya di dalam bidang filologi terhadap bahan kajian penulis (manuskrip *Nasīhat al-Mulūk*). Ia mungkin sebagai satu cetusan awal buat pengkaji lain untuk terus menyelidiki isi kandungan yang terdapat di dalam manuskrip *Nasīhat al-Mulūk*.

Ia juga amat penting bagi memperlihatkan kedudukan sebenar pengaruh serta penyesuaian teori-teori yang terkandung di dalam manuskrip *Nasīhat al-Mulūk* dengan realiti sebenar yang berlaku dalam sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka kerana idea-idea yang tertulis di dalam sebuah manuskrip sudah

²⁸ Manuskrip *Nasīhat al-Mulūk* akan dihuraikan secara terperinci di dalam Bab Kedua.

tentu merupakan sesuatu yang berbeza dengan praktikal sebenar yang telah dilaksanakan. Apa yang lebih penting ialah untuk menerangkan kepada masyarakat bahawa Islam itu walaupun di dalam bentuk idea pemikiran tetapi jika dicernakan mengikut kaedah dan cara yang bersesuaian akan menghasilkan satu bentuk masyarakat Islam yang sempurna.

Akhirnya, penyelidikan ini dirasakan penting sebagai satu usaha untuk memperlihatkan bahawa sistem organisasi dan pentadbiran Kerajaan Melayu Melaka telah mengambil nilai-nilai ajaran Islam sebagai garis panduan pemerintahan. Oleh itu, dengan menjadikan idea-idea dari manuskrip *Nasīḥat al-Mulūk* sebagai perbandingan, maka ia akan menjadi satu lagi bukti untuk mengukuhkan pendapat yang mengatakan bahawa sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka adalah berteraskan sistem Islam.

1.6. OBJEKTIF KAJIAN

Secara kasar, objektif kajian boleh dibahagikan kepada dua tujuan. Tujuan pertama berbentuk umum iaitu untuk memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai pencejaraan politik dan sistem pentadbiran masyarakat Islam terdahulu dengan memberi tumpuan kepada manuskrip *Nasīḥat al-Mulūk* sebagai sampel pengkajian dan sistem Kesultanan Melayu Melaka sebagai contoh perbandingan. Ia akan menghuraikan peranan dan tanggungjawab golongan pentadbir dan rakyat jelata di dalam membangunkan sesebuah negara.

Penulis mengkhususkan perbahasan perbandingan di antara teori dan realiti dengan tujuan supaya kita dapat melihat perkembangan idea dan pengaruh pelaksanaan ajaran Islam yang diinterpretasikan melalui manuskrip

Nasihat al-Muluk ke dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Antara tujuan umum yang lain ialah untuk meneliti semula permasalahan filologi yang telah diwariskan oleh masyarakat silam. Penulis berpendapat bahawa bidang filologi ini amat penting kerana ia akan memperlihatkan kepada kita tentang perkembangan idea dan pemikiran masyarakat dahulu kala. Usaha ini adalah sebagai satu bukti untuk menolak kemungkinan anggapan sesetengah pihak yang mengatakan bahawa persoalan filologi itu hanya layak untuk memenuhi ruang pameran muzium sahaja.

Tujuan kedua dijuruskan kepada objektif yang lebih khusus iaitu dengan meninjau proses serta langkah-langkah penulis di dalam membuat penelitian terhadap sumber primer dan sumber sekunder kajian. Objektif khusus ini adalah seperti berikut;

1. Menyelidik latar belakang naskhah manuskrip *Naṣīḥat al-Mulūk* karangan Sheikh Ḥussein al-Kāshifi.
2. Mentransliterasi dan menganalisis teori-teori, peranan, fungsi serta kepentingan teks manuskrip *Naṣīḥat al-Mulūk* dengan tujuan untuk memudahkan penulis membuat perbandingan dengan Kesultanan Melayu Melaka.
3. Menghurai semula organisasi pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka sebagai satu usaha untuk membuktikan bahawa ia adalah sebuah sistem yang berlandaskan sistem pemerintahan Islam.
4. Membuat penyesuaian idea-idea dan teori-teori yang telah diketengahkan oleh manuskrip *Naṣīḥat al-Mulūk* karangan Sheikh Ḥussein

1. de Eredia, Emmanuel Godinho, **Eredia's Discription of Malacca, Meridional India and Cathay**, J.V. Mills (ed.) dalam JMBRAS, vol. 8, part I, 1930.
2. Corteaso, Armando (ed.), **The Suma Oriental of Tome Pires**, London; The Hakluyt Society, vol. II, 1944.
3. Buyong Adil, **The History of Malacca (Sejarah Melaka)**, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974.
4. Liaw Yock Fang (ed.), **Undang-Undang Melaka**, The Hague; Martinus Nijhoff, 1976.
5. Samad Ahmad (ed.), **Sulalatus Salatin**, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979.
6. Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka; kajian beberapa aspek tentang Melaka pada Abad ke 15 dan Abad ke 16 dalam Sejarah Malaysia**, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.
7. Narshidi Ismail, **Pemerintahan Menurut Islam; satu kajian terhadap Kerajaan Melayu Melaka**. Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, 1994 dan ramai lagi.

Penulis akan mengkaji, meneliti serta menganalisis sumber-sumber di atas bagi mendapatkan data-data yang relevan dengan penyelidikan yang dibuat kerana fokus penyelidikan ini hanya akan tertumpu kepada analisis perbandingan teori dan praktikal di dalam organisasi pemerintahan. Jadi, pengkajian secara teliti terhadap bahan-bahan rujukan sampingan yang lain masih lagi perlu bagi menghasilkan bukti kukuh untuk tujuan tersebut.

1.8. METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan yang dijalankan oleh penulis adalah berbentuk kajian perpustakaan.³⁰ Segala sumber yang berkaitan dan bersesuaian dengan skop pengkajian akan dianalisis bagi mendapatkan rumusan yang terbaik di akhir kajian. Pencarian sumber rujukan akan didasari oleh dua kaedah utama iaitu:

1.8.1. Kaedah Pengumpulan Data

Penulis akan berusaha mengumpulkan sebanyak mungkin data dari sumber yang berkaitan dengan bidang penyelidikan. Hanya sumber berautoriti sahaja yang akan diberi perhatian dan dijadikan bahan rujukan. Seterusnya, penulis akan cuba menyaringkan sumber-sumber yang diperolehi mengikut keutamaannya bagi memudahkan kerja-kerja penganalisaan. Penulis juga akan menumpukan penganalisaan terhadap data-data primer kerana ia adalah penentu kepada kesahihan fakta yang bakal diperolehi.

Namun, penulis tidak akan mengesampingkan data-data sekunder kerana ia merupakan bahan penerangan untuk memudahkan lagi penulis memahami susur-galur penyelidikan ini. Sumber sekunder juga merupakan unsur pemangkin ke arah mendapatkan fakta-fakta yang tepat. Oleh itu, penggabungan kedua-dua

³⁰ Kajian perpustakaan ialah penyelidikan yang dijalankan dengan cara mengumpul data-data yang terdapat dari sumber-sumber di perpustakaan seperti buku, majalah, ensiklopedia, mikrofilem, jurnal dan sebagainya. Lihat J. Supranto, **Kaedah Penyelidikan; Penggunaan Dalam Pemasaran**, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986, hal. 9.

sumber dan data yang berautoriti adalah sangat penting khususnya untuk memperolehi hasil kajian yang berkualiti.

1.8.2. Kaedah Analisis Data

Bahan-bahan yang diperolehi akan dianalisis bagi mengasingkan data-data yang tiada kaitan dengan matlamat kajian. Seterusnya penulis akan menganalisis data yang diperolehi dengan menggunakan tiga kaedah penulisan utama iaitu:

1. *Metod Induktif* iaitu cara membuat kesimpulan daripada bukti-bukti terutamanya bagi manuskrip *Naṣīḥat al-Mulūk* yang lebih bersifat khusus untuk dijadikan dasar kesimpulan yang lebih bersifat umum. Ini kerana sumber rujukan bagi kajian manuskrip *Naṣīḥat al-Mulūk* adalah amat terhad dan ia memerlukan penelitian yang mendalam dan terperinci. Walaupun begitu, penulis juga akan cuba membuat analisis terhadap sumber-sumber lain yang mirip dan berkaitan dengan sampel kajian seperti *al-Aḥkām al-Sultāniyyah*, *Taj al-Salatīn*, *Bustān al-Salatīn* dan sebagainya.
2. *Metod Deduktif* iaitu cara membuat rumusan terhadap dalil-dalil yang diperolehi dari fakta-fakta yang berbentuk umum khususnya di dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka untuk mencari serta mendapatkan kesimpulan yang bersifat khusus. Ini kerana bahan kajian bagi Kesultanan Melayu Melaka ini telah banyak ditulis oleh para sarjana tempatan dan juga luar negeri. Oleh itu, pencarian serta penelitian terhadap bukti-bukti yang diperolehi itu perlu mendalam agar tidak berlaku percanggahan fakta yang bakal dikemukakan.

3. *Metod Komparatif* iaitu seterusnya fakta-fakta dari hasil rumusan tersebut akan dibandingkan dengan dua bentuk pemerintahan seperti yang termaktub di dalam skop penyelidikan. Analisis perbandingan dibuat untuk melihat idea dan pengaruh unsur-unsur keislaman di dalam kedua-dua sampel kajian. Perbandingan ini juga akan disertakan dengan alasan-alasan dari bahan rujukan yang lain sebagai usaha untuk memperkuatkan hasil kajian.

1.9. SISTEMATIKA PENULISAN

Penulisan sesebuah karya ilmiah perlu memenuhi etika penulisan yang telah digariskan. Ia harus mengandungi pembahagian bab yang tertentu bagi menunjukkan perkaitan dan rangkaian yang saling berhubung secara langsung di antara satu bab dengan bab yang seterusnya. Ini bagi memudahkan kerja-kerja penyemakan serta penelitian yang akan dibuat oleh penyelidik seterusnya dan kebiasaananya pembahagian bab ini adalah mengikut angka ganjil. Walau bagaimanapun, terdapat juga penyelidikan ilmiah yang ditulis dalam bab yang berbentuk angka genap.

Secara umum, penulis membahagikan penyelidikan ini kepada lima bab. Ia akan dipecahkan kepada beberapa tajuk kecil di dalam setiap bab. Tujuannya adalah untuk memperlihatkan susunan dan kronologi perbincangan dengan lebih kemas dan tersusun. Pembahagiannya adalah seperti berikut;

Bab Pertama

Bab pertama ialah bab pendahuluan. Ia akan membincangkan hal yang berkaitan dengan latar belakang kajian secara umum, manuskrip dan kepentingannya, skop kajian, kepentingan kajian, objektif kajian serta tinjauan terhadap kajian-kajian lalu. Bab ini juga akan mengetengahkan metodologi penyelidikan yang digunakan oleh penulis. Ia menerangkan kaedah-kaedah pengumpulan data serta bentuk analisis data yang digunakan. Di akhir bab pendahuluan, penulis mengemukakan sistematika penulisan sebagai panduan untuk mengetahui arah dan hala tuju kajian.

Bab Kedua

Pada bab kedua, penulis akan menerangkan secara ringkas pengertian konsep kesultanan dan juga latar belakang manuskrip *Naṣīḥat al-Mulūk*. Tumpuan penulis di dalam bab ini ialah untuk menganalisis serta membahaskan konsep kesultanan yang terkandung di dalam teks manuskrip *Naṣīḥat al-Mulūk*. Penganalisaan akan disusun mengikut tajuk tertentu bagi memudahkan kerja-kerja penyemakan. Di antara perkara yang menjadi topik perbincangan dalam bab kedua ialah peranan dan tanggungjawab raja mentadbir rakyat, peranan rakyat kepada raja, bidang kuasa serta syarat-syarat pentadbir dan sebagainya.

Bab Ketiga

Permulaan bab ketiga akan menerangkan secara ringkas sejarah penubuhan Melaka, asal usul nama Melaka, pemerintah-pemerintah Kerajaan Melayu Melaka dan juga penyebaran Islam di Melaka. Fokus perbincangan utama bab ini ialah penganalisaan terhadap corak pemerintahan serta struktur

dan organisasi Kesultanan Melayu Melaka. Ia akan memperlihatkan peranan serta tanggungjawab raja terhadap pembesar negara dan orang awam (rakyat biasa) dan juga peranan yang perlu dimainkan oleh rakyat jelata di dalam mematuhi segala titah perintah raja dan pembesar. Seterusnya analisis akan ditumpukan kepada unsur-unsur ajaran Islam yang terdapat di dalam pemerintahan Kerajaan Melayu Melaka khususnya terhadap sistem pentadbiran dari segi kaedah hierarki perjawatan pembesar, sifat-sifat raja, peranan pembesar, rakyat biasa dan golongan hamba di dalam memajukan negara dan sebagainya.

Bab Keempat

Bab keempat merupakan 'klimaks' bagi penyelidikan ini. Ia akan menganalisis serta membuat perbandingan ke atas teori-teori yang telah dikutip di dalam teks manuskrip *Nasihat al-Muluk* dengan praktikal yang pernah dilaksanakan di dalam pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Tujuannya untuk melihat pengaruh unsur-unsur Islam yang didapati dari manuskrip *Nasihat al-Muluk* terhadap sistem Kesultanan Melayu Melaka. Kajian perbandingan ini akan menjurus kepada dasar pemerintahan, konsep kedaulatan, konsep kepimpinan, konsep pendidikan, struktur pentadbiran dan juga sistem perundangan. Analisis perbandingan juga akan mengutip sumber-sumber lain³¹ yang berkaitan untuk mengukuhkan alasan-alasan yang dikemukakan.

Bab Kelima

Bab kelima merupakan bab terakhir di dalam kajian ini. Ia akan merumus dan menyimpulkan hasil penyelidikan yang telah dibuat. Rumusan akan diperlihatkan dalam dua bentuk iaitu rumusan umum dan rumusan khusus. Manakala kesimpulan pula akan diolah mengikut kefahaman penulis yang mencerminkan pemikiran serta pendirian penulis.

1.10. PENUTUP

Sebagai kesimpulan, penulis ingin tegaskan bahawa bab pertama ini adalah merupakan titik permulaan bagi mengetahui idea dan konsep yang ingin diketengahkan oleh penulis. Ia akan membayangkan corak serta metode penulisan yang akan digunakan oleh penulis semasa menjalankan kerja-kerja penyelidikan. Akhirnya bab pertama juga secara tidak langsung bertujuan untuk mengingatkan penulis agar sentiasa berada di atas landasan yang betul mengikut topik yang diperbincangkan. Justeru itu, ia amat penting untuk dikemukakan sebagai asas untuk terus memahami perbincangan serta perbahasan selanjutnya.

³¹ Sumber lain ialah rujukan yang selain dari manuskrip Nasihat al-Muluk dan sumber Kesultanan Melayu Melaka seperti *Tāj al-Salātīn* (Bukhari al-Jauhari), *Bustān al-Salātīn* (Nurudin al-Raniri) dan seumpamanya.